

Kajian tindakan di sekolah - Sumbangan dan kepentingannya

MINDA PENDIDIK
ROSLEE TALIP



Bersama:
Mohd Yusof Abdullah, Baharom Mohamad,
Abd Said Ambotang, Muhamad Suhaimi
Taat dan Shukri Zain

MENGAPAKAH pengajaran saya pada hari atau minggu ini kurang berkesan?

Kenapakah keputusan pelajar kurang memuaskan? Bagaimanakah cara yang terbaik sekali untuk menyampaikan pelajaran kepada segolongan pelajar tertentu? Apakah lagi yang perlu diberikan kepada pelajar sekolah ini untuk meningkatkan daya saing mereka? Jika guru tidak berusaha untuk mencari jawapan kepada soalan-soalan ini, maka bukan sahaja pengajarannya tidak dinamik, malah kelemahan pelajar akan berada pada aras itu juga. Oleh yang demikian, seorang guru yang ingin mencapai kepuasan kerja perlu bersifat reflektif dan bukan semata-mata responsif. Reflektif dalam konteks ini merujuk kepada pembudayaan penyelidikan melalui kaedah kajian tindakan yang dilaksanakan oleh guru di bilik darjah.

Kajian tindakan adalah salah satu bentuk pendekatan bersifat penyelidikan yang boleh digunakan oleh guru dalam pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Oleh kerana kemampuannya untuk membantu guru dalam menyelesaikan permasalahan dalam bilik darjah maka penggunaan kaedah ini perlu difikirkan amat perlu dan memberikan impak yang besar dalam dunia pendidikan. Bagi pengamal kajian tindakan, didapati bahawa kajian ini telah menggalakkan kreativiti dan inovasi guru dalam penerokaan amalan pengajaran yang baru.

Kajian di tempat kerja, walau dalam apa bentuk pun menyumbang terhadap peningkatan amalan kerja guru di sekolah. Budaya penyelidikan ini seterusnya akan membentuk sekolah yang lebih efektif lagi khususnya dalam pengajaran dan pembelajaran yang berlangsung. Menerusi penglibatan dalam bidang kajian, pengalaman guru akan sentiasa diperbaharui selaras dengan keinginan untuk mengikuti arus perubahan semasa.

Kajian guru ataupun kajian tindakan menekankan penglibatan guru secara langsung dalam mencari penyelesaian kepada isu dan masalah yang wujud di bilik darjah. Dapatan kajian akan membantu guru memperbaiki kemahiran serta persekitaran pendidikan (educational environment) mereka. Sehubungan itu, kajian yang dijalankan oleh guru juga boleh meningkatkan kualiti pembelajaran pelajar serta membantu membina semula (reconstruct) teori-teori pendidikan dan asas ilmu (knowledge-base) pengajaran. Ini bermakna apabila guru telah mula melibatkan diri dan seterusnya mengekalkan budaya penyelidikan kajian tindakan dalam amalan pengajaran dan pembelajaran, maka guru berkenaan akan lebih bersifat kritis, mempersoalkan kepercayaan dan pegangan amalan pendidikan stereotaip yang selama ini diamalkannya.

Kajian oleh guru memberi peluang untuk para pendidik membangunkan pendekatan inovatif dalam pengajaran serta membuat

refleksi tentang amalan mereka secara objektif. Seterusnya, kajian guru juga mampu membawa kepada peningkatan kurikulum, kritikan profesional dan reformasi masyarakat. Ini kerana dapatan kajian hasil penyelidikan kajian tindakan yang dilakukan oleh para pendidik mendapati bahawa terdapat bukti yang kukuh untuk mengaitkan bahawa guru yang terlibat dalam melakukan kajian tindakan akan membantu guru itu menangani perubahan masa depan dan menjadikan mereka lebih bersifat fleksibel (anjali) dan menerima segala perubahan (reform) yang berlaku dalam dunia pendidikan.

Selaku seorang guru yang menjana pengalaman dan kejayaan dengan penyelidikan, sikap mereka menerusi penyelidikan juga menunjukkan peningkatan profesionalisme keguruan yang begitu ketara. Ini kerana guru yang bertindak sebagai penyelidik akan melihat diri mereka sebagai lebih bersifat terbuka terhadap sebarang bentuk perubahan yang berlaku. Sebaliknya pula, guru yang mengabaikan atau tidak mengendahkan penyelidikan di bilik darjah akan merugikan diri sendiri kerana mereka bakal kehilangan peluang untuk membawa pembaikan maksimum ke dalam bilik darjah dan seterusnya kepada sekolah keseluruhannya.

Keberkesanan kajian tindakan yang dilakukan secara konsisten akan mengarah dan mengupas kepada masalah yang rumit, seterusnya membawa kepada penambahbaikan dalam sesuatu praktis pengajaran guru. Hal ini adalah kerana penglibatan dalam kajian tindakan akan menggerakkan guru melangkaui batas persepsi mereka dalam kefahaman dan perasaan serta bagaimana mereka mengaitkannya dengan tugas seharian. Kajian tindakan membantu guru memahami permasalahan khusus pengajaran meskipun mereka sering percaya bahawa mereka mempunyai semua jawapan yang diperlukan terhadap tugas kerja harian, tetapi tidak bersungguh-sungguh untuk melaksanakannya. Justeru itu, melalui kajian tindakan yang dilaksanakan akan membantu guru melihat profesion keguruan dengan minda yang lebih terbuka serta kritis.

Dalam masa yang sama, pendokumentasian yang dijalankan dalam kajian guru akan membolehkan guru memahami secara lebih mendalam perkembangan pelajar serta membolehkan mereka membuat keputusan tentang cara yang sesuai untuk membantu perkembangan serta pembelajaran pelajar terlibat.

Dengan melibatkan diri dalam penyelidikan, para pendidik dapat menghadapi cabaran baru dalam bidang pendidikan. Perbincangan profesional dengan rakan sejawat membawa kepada perkembangan profesionalisme perguruan dan perubahan pendidikan. Kajian tindakan secara kolaboratif boleh membantu guru menjawab soalan-soalan tentang amalan mereka sendiri dan seterusnya meningkatkan perkembangan profesional. Guru yang melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah dan juga pihak pengurus sekolah akan dapat membuat keputusan yang lebih baik tentang pengajaran mereka

jika penilaian mereka disokong oleh inkuiri yang dilakukan oleh mereka sendiri.

Apabila guru bekerja secara kolaboratif mereka sebenarnya mewujudkan budaya perkongsian pengalaman dan perkembangan amalan berdasarkan pembelajaran dari pengalaman. Konsep built-in dalam kajian tindakan memudahkan guru mendapat sokongan dari rakan sejawat yang akhirnya berperanan sebagai sounding board serta sumber penjana idea. Mereka juga boleh menerima kritikan rakan sejawat secara positif. Guru amat memerlukan sokongan semasa mereka ingin melakukan perubahan dalam amalan pengajaran mereka khususnya yang melibatkan perubahan kepada sistem nilai guru. Dengan perkongsian pengalaman serta idea mereka dapat melihat sesuatu isu atau masalah yang dihadapi dalam cara yang berlainan dan seterusnya mengatasi cabaran-cabaran di bilik darjah mereka. Dengan yang demikian, guru dapat memperkukuhkan lagi amalan pengajaran mereka melalui pengalaman dirinya dan pengalaman rakan sejawatnya.

Kajian yang dilaksanakan oleh guru dapat memberi pengupayaan kepada amalan profesional mereka. Mereka, yakni guru akan lebih yakin dalam kebolehan masing-masing secara individu mahupun secara kumpulan. Selain itu, dapat menambah dan seterusnya memperbaiki daya intelek dan kemahiran teknikal mereka selaras dengan hasrat memartabatkan profesion keguruan. Kajian tindakan dalam konteks ini dilihat sebagai penyumbang kepada perkembangan guru secara lebih berkesan dan bermakna lagi.

Kajian tindakan dikatakan berkesan disebabkan prosesnya bermula daripada keinginan dalaman untuk memperbaiki diri. Motivasi untuk menjalankan kajian datang dari keinginan guru untuk memperbaiki kaedah pengajarannya dan amalan pengurusan sekolah serta mencari jalan untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi. Sikap untuk sentiasa memperbaiki diri akan membawa kepada amalan kerja yang lebih cemerlang dan dalam jangka panjang situasi ini mampu memberi impak besar ke arah memperkasakan sistem pendidikan negara.

Guru yang melibatkan diri dengan amalan penyelidikan yang berterusan dalam menangani persekitaran pengajaran dan pembelajaran akan lebih cenderung untuk memberi respons kepada keperluan individu serta bersedia untuk menguji kaji cara baru yang lebih baik untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran mereka. Kebolehan guru dalam memberikan respons yang luwes akan membantu sistem pendidikan umumnya dalam menyediakan unsur yang penting ke arah pengajaran yang efektif dan berkualiti. Natijahnya, tujuan ini dapat dicapai jika guru boleh melaksanakan 'reflection-in-action'. Tindakan ini bermaksud guru membuat refleksi dalam memberi respons kepada sesuatu situasi yang bermasalah. Perubahan dan pembaikan amalan ini amat penting kerana ia merupakan salah satu kunci kepada kejayaan meningkatkan mutu pendidikan di sekolah. Dalam proses untuk mengubah atau memperbaiki amalan guru, para guru perlu

memahami sesuatu situasi sosial yang sebenar dalam pengajaran dan pembelajaran melalui kajian tindakan yang dijalankan di peringkat sekolah. Langkah ini mampu menjanjikan pengajaran dan pembelajaran yang berkualiti, bestari dan seiring dengan pendidikan bertaraf dunia.

Kajian tindakan bukan sahaja dirasai signifikannya oleh guru sebagai penyelidik, namun kajian berkenaan mendapati mampu mempengaruhi suasana pembelajaran pelajar dalam bilik darjah. Perkara ini dapat dijelaskan berdasarkan kajian sebelumnya yang mendapati sikap pelajar terhadap program kajian tindakan yang telah dijalankan adalah sangat positif. Pelajar didapati mempunyai motivasi yang tinggi selepas mengikuti program ini. Dalam kajian tindakan yang dijalankan, penilaian dan refleksi yang dibuat ialah pelajar amat berminat mengikuti program kajian tindakan selain mendapat perhatian yang lebih daripada guru. Proses pengajaran dan pembelajaran pula menjadi lebih menarik kerana guru bekerjasama memikirkan kaedah pengajaran yang sesuai dan menyediakan bahan pengajaran yang menarik. Dalam masa yang sama kajian-kajian berkenaan juga mendapati bahawa terdapat peningkatan terhadap beberapa aspek tertentu di dalam pengurusan peringkat sekolah.

Begitu juga halnya dengan para guru yang pasti tidak mampu membuat sebarang perubahan, pembetulan mahupun penambahbaikan yang bermakna jika enggan membuat refleksi dalam aspek-aspek yang berkaitan dengan amalan pengajaran dan pengurusan sekolah masing-masing. Oleh sebab itu, mahu tidak mahu seseorang guru mesti sentiasa menyelidik atau mengkaji amalan harian mereka di sekolah dan bersedia menjadi pengamal reflektif yang aktif.

Reflektif dalam konteks ini bermaksud guru harus melihat maklumat yang diperolehi melalui unsur-unsur penyelidikan dalam merancang pengajarannya, pelaksanaan pengajaran dan juga dalam menyelesaikan masalah berkaitan dengan pengurusan bilik darjah serta sekolah. Sebenarnya soalan-soalan inilah yang perlu sentiasa direfleksikan oleh guru melalui kajian tindakan sebagai satu indikator ke arah menjadi seorang pendidik yang reflektif dan prihatin dalam tugas seharian di sekolah.

Pengetahuan, kebolehan dan yang lebih penting lagi adalah kesedaran guru untuk mengubah senario dan amalan stereotaip dalam mencari jalan penyelesaian terhadap masalah pengajaran dan pembelajaran adalah amat dituntut dalam persekitaran dunia pendidikan masa kini. Justeru itu guru wajar meletakkan penyelidikan sebagai teras budaya kerja sekolah untuk membolehkan proses rawatan atau 'rehabilitation' terhadap amalan pengajaran dan pembelajaran pelajar menjadi lebih berkesan. Usaha ini bertepatan sekali dengan hasrat negara untuk mengangkat martabat pendidikan ke tahap yang tertinggi di pentas dunia dan watak pelaku utamanya adalah guru.

* Penulis adalah Pensyarah di Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Sabah